# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# PUSAT PEMULIHAN AKHLAK (PPA) BATU GAJAH, PERAK BERSERTA KUATERS KAKITANGAN (DAERAH KINTA)
KEMASKINI : 12 FEBRUARI 2021

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Kekal berada di dalam kawasan PPA dan Kuaters
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah Jabatan Penjara Malaysia dan SOP PPA
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Batu Gajah, Perak berserta Kuaters Kakitangan (Daerah Kinta). |
| Tempoh Kuat kuasa | 14 Februari 2021 (12.01 pagi) sehingga 27 Februari 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP dan DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan keluar masuk pegawai dan staf PPA yang bertugas dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kebenaran hanya boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan ***case to case basis.***<br>• Tetamu dan pelawat luar **TIDAK DIBENARKAN** masuk sepanjang tempoh PKPD berkuatkuasa.<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian depot seperti bekalan bahan mentah, bekalan makanan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD. |
| Saluran Makanan dan keperluan | • Bekalan keperluan makan akan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Kinta.<br>• Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Kinta. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar kepada staf dan tahanan di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |